

26/03/2014 - Majlis Khidmat Bakti

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara/saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Wakil pesara-pesara kanan penjawat awam yang diraikan dan

YBhg. Datin Sri Rohaya Binti Harun

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia dan

YBhg. Puan Sri Asmahan binti Ismail,

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara dan

YBhg. Puan Sri Datin Sri Imran binti Ibrahim

YBhg. Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri dan Datin Sri - Datin Sri, Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul pada malam ini untuk meraikan rakan-rakan kita yang bersara, tamat lantikan kontrak dan pegawai-pegawai kanan yang baru dilantik mengisi jawatan-jawatan utama dalam kerajaan.
2. Saya difahamkan pada malam ini kita akan meraikan 58 orang rakan-rakan kita yang telah bersara dan 38 orang pegawai kanan yang telah dilantik ke jawatan tinggi kerajaan. Kepada rakan-rakan kita yang telah bersara, bagi pihak Kerajaan dan Perkhidmatan Awam, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan

setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh anda kepada perkhidmatan awam dan negara.

3. Bagi mereka yang telah dilantik ke jawatan tinggi Kerajaan, tahniah dan syabas di atas pelantikan masing-masing. Pelantikan ini diharapkan akan dapat meningkatkan komitmen dan sumbangan anda dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan komited, berintegriti dan dengan jayanya.

PERSEDIAAN UNTUK BERSARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Majlis pada malam ini merupakan salah satu tanda penghargaan, kenangan dan penghormatan di atas segala sumbang bakti yang telah anda curahkan selama ini. Dalam mengemudi bahtera sebagai seorang penjawat awam, saya pasti anda semua mempunyai seribu satu cerita mengenai cabaran mahupun rintangan, suka duka, mahupun kenangan terindah yang tersendiri. Pengalaman dan peristiwa ini tidak dapat dibeli atau disamakan dengan mana-mana individu yang lain malah hanya boleh dicerita atau dikongsikan untuk tatapan generasi masa akan datang.
5. Bagi mereka yang telah bersara daripada perkhidmatan awam, saya percaya ramai dikalangan hadirin pasti merindui suasana persekitaran tempat kerja dan rakan-rakan sepejabat. Ini sedikit sebanyak memberikan kesan kepada proses penyesuaian diri dengan fasa kehidupan baru sebagai seorang pesara. Walaupun demikian, saya yakin bahawa kebanyakan daripada hadirin di sini sudah bersedia dan mempunyai perancangan yang tersendiri bak kata pepatah Inggeris "*Retire from work, but not from life*".
6. Kebanyakan daripada kita setelah bersara, menikmati kehidupan dengan menjaga cucu atau cicit di rumah. Sesetengah pula, menghabiskan masa di surau, masjid dan rumah-rumah ibadat mengikut kepercayaan masing-masing ataupun memberikan tumpuan terhadap hobi yang sebelum ini sekian lama ditinggalkan . Ada di antara kita juga mengambil kesempatan untuk meneruskan impian lama yang tertangguh. Hakikatnya, apa juga perkara atau bidang yang ingin kita ceburi, hendaklah kita merancang dan melakukan dengan sebaiknya.

PENDEKATAN STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN UNTUK PESARA PEJAWAT AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya tertarik dengan hasil kajian mengenai perspektif pesara penjawat awam yang telah dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) baru-baru ini. Hasil kajian tersebut menunjukkan 80.76% pesara penjawat awam menitikberatkan isu kesihatan, 53.18% pula mengutamakan soal kebajikan dan 48.94% berkehendakkan bantuan mengenai pelan perancangan kewangan selepas bersara.
8. Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan sedang merangka satu inisiatif baru khususnya kepada pesara penjawat awam berdasarkan kepada pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy*(NBOS). Inisiatif ini yang dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, dinamakan *1Malaysia Civil Service Retirement Support*. Inisiatif ini merupakan satu bentuk perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan kepada pesara penjawat awam. Sepertimana yang dilaporkan dalam kajian, ia memberikan tumpuan terhadap kepada beberapa perkara seperti kesejahteraan dan kebajikan pesara, keusahawanan, pengurusan kewangan dan penjagaan kesihatan. Saya difahamkan bagi mengerakkan inisiatif murni ini, satu laman sesawang yang mengkhususkan kepada pesara penjawat awam sedang dibangunkan oleh JPA dan laman ini dijangka akan dilancarkan pada bulan hadapan, April tidak lama lagi.
9. Ini secara tidak langsung memberikan gambaran yang jelas dan nyata bahawa Kerajaan tetap memelihara dan tidak meminggirkan penjawat awam walaupun selepas bersara daripada perkhidmatan awam. Kesetiaan dan kepercayaan ini tetap di hati Kerajaan kerana hadirin semua merupakan salah satu golongan yang penting dan menjadi agen transformasi yang membawa kepada arus pembangunan negara. di dalam struktur masyarakat di dalam negara ini. Segala kepercayaan, jasa dan khidmat bakti anda kepada perkhidmatan awam dan negara selama ini, tidak akan disia-siakan malah akan terus dihargai oleh kita semua.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM TERUS DITUNJANGI

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Dalam menaiki tangga kejayaan kita seharusnya sentiasa beringat bahawa semakin tinggi kedudukan kita, semakin besar tanggungjawab dan rintangan yang perlu dihadapi. Bagi pegawai kanan yang telah dilantik ke jawatan tinggi kerajaan, saya ingin berpesan agar terus meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan anda dan sentiasa mempunyai nilai keperibadian dan integriti yang tinggi.

11. Melalui nilai peribadi yang berintegriti, ia bukan sahaja mencerminkan diri kita sebagai seorang penjawat awam yang berprinsip dan beramanah malah ia secara tidak langsung akan menonjolkan harga diri anak bangsa yang bermaruah dan mempunyai jati diri yang kukuh. Prinsip ini terpakai semasa kita berada dalam perkhidmatan mahupun selepas kita bersara.

12. Saya percaya dan yakin anda semua sedia maklum Merakyatkan Perkhidmatan Awam merupakan salah satu agenda yang dibawa selaras dengan arus transformasi negara yang turut meliputi sektor perkhidmatan awam. Ia berpasakkan kepada 6 prinsip iaitu insaniah, keterbukaan, musyawarah, kekitaan, turun padang serta kerjasama awam-swasta-badan bukan kerajaan (NGO). Saya ingin menyarankan supaya prinsip-prinsip ini dapat terus diamalkan bukan sahaja semasa kita berada dalam perkhidmatan awam malah selepas kita bersara. Sebagai contoh, rakan-rakan pesara masih boleh terus memberikan maklumat dan penjelasan mengenai dasar-dasar kerajaan kepada rakyat, dan bertindak sebagai mata dan telinga dalam memberikan maklumbalas kepada Kerajaan. Peranan kita sebagai penjawat awam tidak terputus walaupun selepas kita bersara terutamanya sebagai jambatan penghubung diantara pihak Kerajaan dan rakyat.

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

Hadirin yang dhormati sekalian,

13. Sebagai penjawat awam yang diberikan kepercayaan dan tanggungjawab dalam menggalas jawatan-jawatan penting dalam Kerajaan, kesetiaan kita kepada Raja, Negara dan Kerajaan tidak boleh berbelah bahagi. Ini merupakan perkara asas dan utama dalam memastikan kredibiliti kita sebagai penjawat awam tidak terjejas dan segala dasar Kerajaan boleh dilaksanakan dengan jayanya. Kalau kesetiaan kita sepanjang perkhidmatan dalam kerajaan yang rata-rata lebih daripada 20 tahun tidak pernah dipersoalkan atau menjadi goyah, apakah perlu kita berhadapan dengan situasi dimana kesetiaan kita diragui selepas kita bersara, hanya kerana kita mengambil tindakan tertentu yang menjurus kepada rumusan tersebut pada kacamata rakyat.

14. Sebagai pegawai kanan kerajaan, kita hendaklah senantiasa mempamerkan ciri kepimpinan yang unggul dan teladan yang baik untuk dijadikan pedoman dan model yang perlu dicontohi generasi penjawat awam akan datang. Kita seharusnya sentiasa beringat, sekiranya bukan kita yang menjaga imej dan nama baik perkhidmatan

awam, siapa lagi yang akan tampil ke depan untuk mengalas tanggungjawab ini. Sesungguhnya kita adalah cerminan buat generasi muda akan datang dan secara amnya perkara ini perlu bertepatan dengan konsep kepimpinan melalui teladan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Sekali lagi, saya mewakili pihak Kerajaan ingin mengucapkan “Selamat Bersara” dan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan atas jasa dan khidmat bakti anda dalam memajukan perkhidmatan awam. Sumbangan dan usaha yang telah diberikan pastinya akan terus dikenang dan persahabatan yang terjalin sepanjang perkhidmatan tidak akan terhenti disini malah akan terus berkekalan. *“Memories last forever, never do they die. Friends stay together, never say goodbye”*. Semoga tuan-tuan dan puan-puan terus dikurniakan oleh Allah SWT dengan kesihatan yang baik serta rezeki yang berpanjangan. Bagi si isteri yang telah banyak berkorban ketika suami sedang berkhidmat, pesan daripada saya, *“A retired husband is often a wife's full-time job.”*
16. Bagi mereka yang telah dilantik ke jawatan yang lebih tinggi, harapan saya agar anda akan terus melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komitmen, ikhlas dan berintegriti. Memetik kata-kata Paul Arden, seorang pakar motivasi, *“It's not how good you are, but it's how good you want to be”*.
17. Akhir kata, saya berharap kita semua akan terus bersatu padu dan bekerja sebagai satu pasukan atau keluarga yang muhibah untuk membangunkan kecemerlangan bangsa dan negara. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang diraikan. Semoga Majlis Khidmat Bakti pada malam ini menjadi kenangan yang manis buat anda semua.

*Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman;
Kalungan budi junjungan kasih.
Mesra kenangan sepanjang zaman.*

*Anak negeri mencari tuba,
Tuba dicari di Tanjung Jati;*

*Di dalam hati tidak 'kan lupa,
Bagai rambut bersimpul mati.*

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh